



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR PEMILIHAN DAN POLA PERSAHABATAN  
KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**NORAIZAN BINTI BRAHIM**

**FPP 1998 5**

**FAKTOR PEMILIHAN DAN POLA PERSAHABATAN**

**KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**Oleh :**

**NORAIZAN BINTI BRAHIM**

**Kertas projek penyelidikan yang dikemukakan sebagai memenuhi syarat keperluan  
Ijazah Master Sains Psikologi Pendidikan  
di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia**

**September 1998**



## **PENGHARGAAN**

Penyelidik terlebih dahulu memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan petunjukNya dapat menyiapkan kajian ini Sesungguhnya, penyelidik berasa terhutang budi kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan projek ini

Pertama, penyelidik ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia projek kajian, Profesor Madya Dr Abdul Majid b Mohd Isa kerana memberi bimbingan dengan sabar dan dedikasi, memberi tunjuk ajar yang amat bernilai dalam menganalisis data dan menginterpretasi dapatan analisis, memberi komen-komen dan cadangan-cadangan yang membina pada setiap peringkat penyediaan projek ini

Kedua, ucapan terima kasih ditujukan sekali lagi kepada Profesor Madya Dr Abdul Majid b Mohd Isa, kepada Profesor Madya Dr Rahil bt Hj Mahyuddin dan Profesor Madya Dr Habibah bt Elias kerana sudi menjadi panel pakar soal selidik kajian ini

Ketiga, penyelidik juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Profesor Madya Dr Othman b Dato' Hj Mohamed, selaku Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah yang telah memberi kerjasama dalam urusan yang berkaitan dengan

kajian ini Begitu juga kepada semua pensyarah psikologi pendidikan yang telah mencerahkan ilmu kepada penyelidik sepanjang pengajian di Universiti Putra Malaysia

Keempat, penyelidik merakamkan penghargaan kepada pegawai-pegawai Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia atas kerjasama yang diberikan semasa rujukan penyelidikan dijalankan Penghargaan juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menaja penyelidik sepanjang pengajian di Universiti Putra Malaysia

Demikian juga kepada Puan Misnah bt Yusop dari Pejabat Kemajuan Masyarakat, Kawasan Parlimen Gombak Setia kerana memberi kebenaran untuk menjalankan kajian ini Juga kepada semua pegawai-pegawai dan pemaju masyarakat yang terlibat dalam kajian ini kerana memberi kerjasama semasa kajian dijalankan, serta kanak-kanak tabika KEMAS yang menjadi responden kajian Merekalah yang membolehkan penyelidik mengumpulkan data kajian

Akhir sekali, penghargaan ditujukan khas kepada suami yang dikasihi, Encik Abd Latif b Samin, serta anakanda-anakanda tersayang, Mohd. Hafidz, Mohd Hazim dan Mohd Haziq kerana dorongan, pengorbanan dan kesabaran serta pengertianmu Untuk ayahanda dan bonda yang dihormati, Tuan Haji

Brahim b Lumin dan Puan Hajjah Ngatiah bt Fawera, terima kasih kerana doa dan restumu Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih kepada Alang, Ateh, Anjang, Uda, Lan dan Adik serta rakan-rakan terutama Adiah, Kaila dan Ana atas galakan dan sokongan yang diberikan

**Semoga kehidupan mereka diberkati Allah selalu.**

## DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>ABSTRAK</b>	x
<b>ABSTRACT</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
Latar Belakang Perkembangan Pendidikan Prasekolah	1
Sumbangan Pendidikan Prasekolah Terhadap	
Perkembangan Kanak-kanak	2
Konsep Persahabatan Kanak-kanak Prasekolah	5
Permasalahan Kajian	10
Objektif Kajian	11
Soalan Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Definisi Operational	16
<b>2 SOROTAN KAJIAN BERKAITAN</b>	20
Dimensi dan Takrif Persahabatan	20
Faktor Pemilihan Sahabat	22
Pola Persahabatan	37
<b>3 METODOLOGI</b>	51
Pengenalan	51
Rekabentuk Kajian	51
Alat Kajian	51
Kajian Rintis	56
Pemilihan Tempat Kajian	57
Subjek Kajian	59
Tatacara Kajian	61
Penganalisaan Data	63

<b>4 DAPATAN KAJIAN</b>	64
Pengenalan	64
Faktor Pemilihan Sahabat	65
Pola Persahabatan	69
Pola Persahabatan Berdasarkan Sosiometri	70
Pengetahuan Kanak-kanak tentang Sahabat Baik	76
Sikap Terhadap Persahabatan Berlainan Jantina	80
Persahabatan Sama Jantina	81
Tajuk Perbualan dengan Sahabat Baik	83
Kesukaran Mendapat Kawan	84
Konsep Kendiri Terhadap Kemahiran Bersahabat	85
Peretakan Persahabatan	90
Rujukan Persahabatan	93
<b>5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	96
Pengenalan	96
Rumusan Kajian	96
Perbincangan	100
Cadangan Pendidikan	106
Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	109
<b>BIBLIOGRAFI</b>	110
<b>LAMPIRAN</b>	
LAMPIRAN A	117
LAMPIRAN B	128
LAMPIRAN C	130
<b>BIODATA PENYELIDIK</b>	133
<b>PENGAKUAN</b>	135
<b>PENGESAHAN PENYELIA PROJEK</b>	
<b>PENGESAHAN TIMBALAN DEKAN</b>	

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1 Struktur soal selidik mengikut pembolehubah	52
2 Pembahagian item faktor pemilihan sahabat	54
3 Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach, min, sisisian piawai keseluruhan faktor pemilihan sahabat	57
4 Bilangan populasi kajian mengikut kumpulan taman bimbingan kanak-kanak KEMAS	60
5 Taburan kekerapan faktor pemilihan sahabat	67
6 Faktor pemilihan sahabat berdasarkan pangkatan dan jantina	68
7 Faktor pemilihan sahabat berdasarkan pangkatan keseluruhan	69
8 Pola persahabatan kanak-kanak berdasarkan sosiogram	71
9 Pola persahabatan timbal-balik dan persahabatan sehala di kalangan kanak-kanak lelaki	72
10 Pola persahabatan timbal-balik dan persahabatan sehala di kalangan kanak-kanak perempuan	73
11 Sebab-sebab pemilihan sahabat berdasarkan pola persahabatan	74
12 Bilangan sahabat baik kanak-kanak prasekolah	75
13 Pola persahabatan kanak-kanak berdasarkan jantina keseluruhan	76
14 Kadar ketepatan kriteria luaran sahabat baik	77
15 Kadar ketepatan kriteria dalaman sahabat baik	78
16 Pengetahuan kanak-kanak tentang kriteria luaran dan dalaman sahabat baik mengikut jantina	79
17 Sikap terhadap persahabatan berlainan jantina	80

18	Sebab pembentukan pola persahabatan sama jantina	81
19	Perbezaan sebab berkawan sama jantina antara kanak-kanak lelaki dan perempuan	82
20	Tajuk perbualan kanak-kanak dengan sahabat baik	83
21	Kadar kesukaran kanak-kanak mendapat kawan	84
22	Sebab-sebab kesukaran mendapat kawan	85
23	Sebab-sebab kesukaran mendapat kawan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan berdasarkan pangkatan	86
24	Perbezaan sebab kesukaran mendapat kawan berdasarkan jantina	87
25	Sebab-sebab berasa disukai oleh kawan	88
26	Perbezaan sebab berasa disukai oleh kawan-kawan	89
27	Kadar keretakan persahabatan mengikut jantina	90
28	Sebab berlaku keretakan persahabatan berdasarkan pangkatan	91
29	Sebab-sebab keretakan persahabatan kanak-kanak lelaki dan perempuan berdasarkan pangkatan	92
30	Kadar rujukan persahabatan mengikut jantina	93
31	Cara rujukan persahabatan kanak-kanak	94
32	Cara rujukan persahabatan kanak-kanak berdasarkan jantina	95

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
1 Skema Pemilihan Institusi dan Responden Kajian	58

## **ABSTRAK**

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains

### **FAKTOR PEMILIHAN DAN POLA PERSAHABATAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**Oleh :**

**NORAIZAN BINTI BRAHIM**

**SEPTEMBER 1998**

Penyelia Profesor Madya Dr Abdul Majid b Mohd Isa

Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan meninjau faktor pemilihan sahabat dan pola persahabatan kanak-kanak prasekolah Seramai 120 orang kanak-kanak prasekolah yang berumur enam tahun dari sepuluh buah pusat prasekolah anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat dipilih secara rawak

Data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan dikendalikan secara temubual. Data juga dikumpul dengan menggunakan teknik sosiogram Statistik diskriptif dan inferen digunakan semasa analisis data.

Daripada analisis diskriptif, didapati kanak-kanak prasekolah mementingkan faktor ciri personaliti, diikuti oleh faktor sokongan, kedekatan, aktiviti-aktiviti lazim, daya tarikan fizikal dan afeksi apabila memilih seseorang sebagai sahabat.

Berdasarkan pengukuran sosiometri, kanak-kanak prasekolah lebih dominan membentuk pola persahabatan timbal-balik dan persahabatan sehala dan kedua-dua pola ini dibentuk berdasarkan faktor yang sama iaitu faktor ciri personaliti dan faktor aktiviti-aktiviti lazim. Responden juga didapati lebih cenderung membentuk pola persahabatan sama jantina berbanding persahabatan berlainan jantina.

Berdasarkan ujian  $\chi^2$  kuasa dua, terdapat pola yang berbeza bagi pemilihan persahabatan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan berdasarkan dimensi 'sikap kasar' dan 'suka merajuk'.

Kanak-kanak lelaki lebih bersikap terbuka dan positif untuk membentuk persahabatan dengan kawan berlainan jantina berbanding kanak-kanak perempuan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga mendapati kanak-kanak yang mengalami kesukaran mendapat kawan di dalam kelas mempunyai konsep kendiri (self-esteem) yang negatif seperti pendiam dan pemalu dan masalah ini lebih ketara dialami oleh kanak-kanak lelaki

Cara yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah yang mengalami keretakan persahabatan ialah dengan berbaik semula setelah memohon maaf atau mengajak kawan bermain semula

Berdasarkan dapatan ini, kajian ini didapati menyokong peringkat perkembangan persahabatan yang dikemukakan oleh Bigelow serta Selman dan Selman. Dapatan kajian juga hampir sama dengan dapatan kajian-kajian lalu Akan tetapi dapatan kajian tentang faktor pembentukan persahabatan timbal-balik dan pola persahabatan sehalia bertentangan dengan kajian Hayes (1978), Hayes *et al* , (1980) dan Gershman dan Hayes (1983)

## **ABSTRACT**

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

### **SELECTING FACTOR AND PATTERNS OF FRIENDSHIP AMONG PRESCHOOL CHILDREN**

**by :**

**NORAIZAN BINTI BRAHIM**

**SEPTEMBER 1998**

Supervisor      Professor Madya Dr Abdul Majid b Mohd Isa

Faculty         Educational Studies

This research is to determine the factors influencing the selections of friends and patterns of friendship among the preschool children. One hundred and twenty preschool children with a median age of six years old from ten preschool centers organized by Social Development Department have been chosen at random for this study.

Data collected are based on questionnaires during interviews and using the sociogram technique. Statistical description and inferences are used for the data analysis.

The descriptive analysis finds that preschool children look for personality criteria, followed by support, propinquity, common activities, physical attractiveness and affection when selecting friends.

Based on the sociometry scale, reciprocal friendship and unilateral friendship seems to be dominant among preschooler. Both patterns of friendship rely on personality criteria and common activities factor. The samples also seemed to be more acquainted among the same sex rather than towards the opposite sex.

Based on the chi square test, both boys and girls seem to have different reasons in selecting friends, that is in respect to 'rudeness' and 'shy-away' dimensions.

Boys seem to be more open-minded and optimistic towards friendship among the opposite sex compared to the girls. Besides that, the finding also shows that children who have problems finding friends in the classroom is due to their low self-esteem, such as passivity and shyness. This case is obvious among the boys.

Usually after having friendship break-ties, the preschool children will either apologize or invite their friends to play with them

The findings in this research support Bigelow with Selman and Selman friendship development stages. The findings also show almost similar results like studies being done earlier. On the other hand, findings on the factors forming reciprocal and unilateral friendship show opposite results from those done by Hayes (1978), Hayes *et al* , (1980) and Gershman and Hayes (1983)

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### **Latar Belakang Perkembangan Pendidikan Prasekolah di Malaysia**

Pendidikan prasekolah adalah pendidikan awal yang penting dalam perkembangan individu selepas di rumah Selain itu, pendidikan prasekolah dianggap sebagai fasa pertama untuk memperoleh pendidikan sepanjang hayat (UNESCO 1976) Menurut Awang Had (1981), pendidikan prasekolah merupakan satu pendidikan yang informal tetapi diinstitusikan dan bertujuan untuk memberikan kanak-kanak pendidikan yang relevan dengan umur mereka. Pada masa yang sama, ia juga menyediakan pengalaman dalam aspek-aspek sosial, emosi, fizikal dan intelek.

Di Malaysia pendidikan prasekolah dalam bentuk tabika mula dikenali pada tahun 1950 untuk kanak-kanak dari golongan pertengahan dan atasan. Hanya pada tahun 1960, beberapa agensi kerajaan seperti FELDA (Federal Land Development Authority) dan KEMAS (Kemajuan Masyarakat) mula menubuhkan pusat-pusat tabika, kebanyakannya di luar bandar (Sulaiman *et al.*, 1990)

Pada tahun 1990, dianggarkan 53% daripada 490,700 orang kanak-kanak yang berumur lima tahun ke atas tidak mendapat kemudahan pendidikan prasekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia 1991) Keadaan ini mendorong kementerian menubuhkan Prasekolah 'Annex' untuk memberi kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak miskin di luar bandar yang tidak mampu membayar yuran program pendidikan prasekolah yang dianggap mahal Pada masa kini terdapat 446,302 kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah di 10,381 tadika di seluruh negara (Berita Harian, 27 Ogos 1998) Selain Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, universiti tempatan seperti Universiti Putra Malaysia, Univerisiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya serta pihak swasta turut menubuhkan pusat prasekolohnya

### **Sumbangan Pendidikan Prasekolah Terhadap Perkembangan Kanak-kanak**

Di Malaysia, terdapat pelbagai pendekatan dalam pendidikan prasekolah tetapi ia masih diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan di bawah satu garis panduan prasekolah Malaysia Matlamat pendidikan prasekolah bukan sahaja mementingkan perkembangan intelek tetapi juga menggalakkan perkembangan sosial, emosi dan fizikal kanak-kanak secara menyeluruh. Ibu bapa menghantar anak-anak ke prasekolah dengan pelbagai matlamat Ladd *et al* , (dalam Spodek

1993 64) menyatakan, motif ibu bapa menghantar anak-anak ke pusat jagaan dan pusat prasekolah adalah untuk tujuan sosialisasi iaitu mendedahkan anak mereka kepada ramai rakan sebaya dan menggalakkan perkembangan sosial serta pembentukan persahabatan Menurut Rubin dan Slamon (dalam Spodek 1993 64), ibu bapa yang mempunyai objektif seperti ini melihat prasekolah sebagai institusi yang membolehkan kanak-kanak bertemu dengan rakan sebaya dan belajar berinteraksi melalui pelbagai aktiviti kumpulan Jelaslah bahawa pendidikan prasekolah memberi faedah kepada kanak-kanak prasekolah menjalin persahabatan dan belajar kemahiran bersosial

Peringkat pendidikan prasekolah merupakan waktu yang terbaik untuk membentuk persahabatan Kanak-kanak akan hidup dalam masyarakat yang lebih luas daripada kebiasaannya dan dikehendaki mempelajari kemahiran-kemahiran sosial seperti tolong menolong, bertolak ansur, bersedia berkongsi, memahami pandangan orang lain dan mengawal perasaan keterlaluan Penggunaan dan kebiasaan terhadap unsur-unsur ini membolehkan kanak-kanak menyesuaikan diri dalam masyarakat yang lebih luas dan seterusnya diperluaskan kepada pembentukan persahabatan dengan rakan sebayanya

Namun pembentukan persahabatan bukanlah satu proses yang automatik dan mudah kepada kanak-kanak Oleh itu, pusat prasekolah boleh menjadi wahana yang amat sesuai untuk memupuk dan membentuk persahabatan di kalangan kanak-kanak Pergaulan di antara sahabat, mendedahkan kanak-kanak

kepada berbagai-bagai pengalaman yang tidak dapat dibekalkan oleh ibu bapa atau orang dewasa yang lain Menurut Rubin (1980) persahabatan memainkan tiga fungsi dalam perkembangan sosial kanak-kanak iaitu membekalkan peluang untuk mempelajari kemahiran sosial, membolehkan perbandingan sosial dan mewujudkan perasaan kekitaan dalam komuniti

Dalam hidup bermasyarakat, kekuahan dan perpaduan masyarakat dapat dihasilkan melalui jaringan persahabatan yang dikembangkan Keharmonian dan kualiti hidup serta keamanan masyarakat akan dapat direalisasikan Sehubungan dengan itu, faktor pembentukan dan pola persahabatan terutama di kalangan kanak-kanak prasekolah perlu dikenal pasti Oleh itu, persahabatan dapat dipupuk seawal mungkin dan akan menjadi matang dengan meningkatnya usia seseorang

Kesediaan kanak-kanak prasekolah untuk berinteraksi dengan berkesan dan membentuk persahabatan dengan rakan sebaya adalah berdasarkan pengalaman yang dibina semasa mereka berinteraksi dengan adik-beradik dan ibu bapa Kanak-kanak yang mendapat penghargaan dan penerimaan dalam keluarga serta telah belajar cara berinteraksi dengan adik-beradik, mempunyai kebolehan yang lebih baik untuk memilih sahabat dan kumpulan rakan sebaya yang sesuai tanpa mengorbankan nilai mereka (Atan Long, 1988) Menurut teori Maslow, kanak-kanak memerlukan kasih sayang dan harga diri Dalam konteks ini,

sahabat dan kumpulan rakan sebaya dapat memenuhi keperluan kanak-kanak prasekolah untuk merasa mereka dipunyai.

### **Konsep Persahabatan Kanak-kanak Prasekolah**

Persahabatan adalah sebahagian daripada fenomena perhubungan sosial yang juga dapat dilihat pada kanak-kanak prasekolah. Persahabatan kanak-kanak prasekolah diertikan sebagai "*mutual preference for interaction, skill at complementary and reciprocal peer play, and shared positive affect*" (Howes 1983: 1042). Justeru itu, persahabatan kanak-kanak prasekolah ini bukan sekadar melibatkan interaksi yang mesra tetapi mereka akan melakukan sesuatu perkara seperti main bersama-sama dan seterusnya membentuk ikatan emosi antara satu sama lain iaitu persahabatan.

Selman dan Jaquette (dalam Smith dan Cowie, 1977 : 98) mengkategorikan perkembangan persahabatan kepada lima peringkat dan tiga daripadanya berkaitan dengan persahabatan kanak-kanak prasekolah.

- (a) "Momentary physical playmate" : Kanak-kanak main bersama (3 - 7 tahun) dan sering berdekatan.
- (b) Bantuan Sehala (4 - 9 Tahun) : Kanak-kanak berkawan dengan orang yang hendak berkawan dengannya.
- (c) Kerjasama 'fairweather' (6 -12 tahun) : Unsur memberi dan menerima hanya pada situasi tertentu, konflik berlaku dalam persahabatan.

Bigelow (1977) telah menjalankan kajian ke atas 480 orang kanak-kanak Scotland dan 480 orang kanak-kanak Kanada berumur enam hingga empat belas tahun. Kanak-kanak diminta menulis eseai tentang harapan mereka terhadap sahabat baik. Dapatan kajianya mendapati perkembangan dimensi dan konsep persahabatan adalah lebih dipengaruhi oleh perkembangan kognitif berbanding pengaruh elemen sosialisasi yang lazimnya berbeza-beza dari satu budaya dengan budaya yang lain.

Teori persahabatan Bigelow (1977) terdiri daripada tiga peringkat perkembangan dan hanya peringkat pertama berkaitan dengan persahabatan kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini. Peringkat pertama perkembangan persahabatan dikenali sebagai peringkat "egosentrik" atau "situasional" yang berakhir pada umur tujuh atau lapan tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak mengutamakan ciri-ciri luaran dan konkrit kawan baik serta berpusat kendiri. Fokus diskripsi tentang persahabatan dan kawan baik seseorang kanak-kanak sering menekankan unsur memberi dan menerima, kedekatan, berkongsi aktiviti, rupa fizikal dan pemilikan (possession).

Bagi Selman dan Selman (dalam Abdul Majid dan Rahil, 1993: 35) memeringkatkan persahabatan kanak-kanak berumur empat hingga sembilan tahun sebagai persahabatan bantuan sehala, iaitu kanak-kanak berkawan dengan orang yang hendak berkawan dengannya sahaja.

Perkembangan kognitif dan bahasa yang semakin baik membolehkan kanak-kanak prasekolah menyedari keperluan terhadap sahabat dan menyatakan perihal persahabatan mereka, misalnya kanak-kanak berumur enam tahun telah dapat menamakan sahabat baiknya Kanak-kanak prasekolah ternyata tidak lagi tinggal di dalam lingkungan keluarga Mereka mula membentuk perhubungan dengan rakan sebaya di luar keluarga Sebagai permulaan, mereka berkawan dengan kanak-kanak yang berjiran dan apabila mereka ke institusi prasekolah kawan mereka akan menjadi lebih ramai dan luas Pendek kata dengan bertambahnya kematangan, kanak-kanak secara beransur-ansur mempunyai minat terhadap orang lain di sekeliling mereka

Menurut Seifert & Hoffnung (1991 360), dalam bukunya "*Child and Adolescent Development*" menyatakan

" in the mind of younger preschool, a friend is some one who does certain things with you , she is some one (any one, in fact) that you like to play with , share toys with or talk with a lot. " A friend," as one preschooler put it, " lets you hold his doll, truck or something."

Di pusat prasekolah, kanak-kanak berinteraksi dan bersahabat dengan rakan sebaya melalui aktiviti main Sukatan Pelajaran Ilmu Pendidikan, Kursus Perguruan Asas Lima Semester Awal Kanak-kanak yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 1991 telah menyenaraikan nilai-nilai main Salah satu nilai main yang diberi penekanan dan berkaitan dengan

pembentukan persahabatan kanak-kanak prasekolah ialah permainan - kuasa yang unik untuk membina hubungan interpersonal

Banyak dapatan kajian yang menunjukkan bahawa persahabatan kanak-kanak prasekolah terbentuk semasa mereka bermain Parten (1932) dalam teori mainnya menyatakan, main bersama dan main kerjasama merupakan tahap kematangan sosial yang paling tinggi Kanak-kanak prasekolah yang berumur enam tahun sering berinteraksi dan melibatkan diri dalam kedua-dua aktiviti main ini Situasi ini memberi peluang dan menggalakkan mereka membentuk persahabatan dengan rakan sebaya Selain itu, aktiviti -aktiviti di pusat prasekolah juga mempengaruhi dan mendorong pemilihan sahabat, membentuk pola persahabatan dan jenis interaksi di antara kanak-kanak prasekolah.

Persahabatan kanak-kanak prasekolah sering melibatkan perkongsian aktiviti, ciri-ciri persamaan antara mereka dan kadang-kadang melibatkan penyingkiran orang ketiga Pola persahabatan yang dibentuk tidak mengambil kira perspektif jangka masa sebaliknya mereka melihat sahabat sebagai rakan sepermainan yang bersifat sementara sahaja Bagi kanak-kanak prasekolah, seorang sahabat adalah mereka yang bermain dengan mereka pada sesuatu ketika (Rubin, 1980)

Menurut Damon (1977), persahabatan kanak-kanak pada peringkat ini tidak mempunyai status yang kekal, mudah dibina dan ditamatkan Ini bermakna

persahabatan kanak-kanak prasekolah tidak stabil dan sering berubah dari satu masa ke satu masa yang lain. Selain itu, kanak-kanak berumur lima hingga tujuh tahun juga melihat sahabat sebagai rakan main yang sering bersama mereka dan lazimnya terdiri dari anak-anak jiran dan rakan sekolah. Dalam membentuk persahabatan ini, kanak-kanak prasekolah ini akan berkongsi makanan, alat mainan, bertingkah laku dengan baik '*act nice*' dan kelihatan riang serta menikmati keseronokan ketika bersama.

Kajian kes oleh Selman (1981) ke atas kanak-kanak mendapati perselisihan dan pergaduhan di kalangan kanak-kanak prasekolah sering berlaku. Lazimnya insiden seperti ini berkaitan dengan tingkah laku yang agresif, objek-objek mainan dan aktiviti-aktiviti kanak-kanak di pusat prasekolah. Sebagai contoh, mereka bergaduh semasa aktiviti membina kubu pasir, melukis dan ketika main dramatik. Memandangkan kanak-kanak ini belum berupaya berfikir dan berperasaan secara matang seperti orang dewasa maka mereka tidak menyimpan perasaan atau tidak berdendam dan dengan mudah berkawan semula.

Menurut George dan Hartmann (1996), persahabatan kanak-kanak merupakan suatu hubungan timbal balik '*reciprocal*' yang terbentuk secara sukarela atau tanpa paksaan antara dua orang individu. Berdasarkanuraian di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep persahabatan di kalangan kanak-kanak prasekolah ini amat unik kerana pembentukannya berlandaskan kriteria tertentu.